

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Asasi Pengurusan
Sent: 13 Mac 2016 15:49
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Dr. Abd Razak B Yaakub; Prof. Madya Dr. Munif Zarirruddin Fikri b. Nordin;
Prof. Madya Md Zahir B Mat Cha; Faizah Bt Hashim
Subject: TAKLIMAT PUSAT PENGAJIAN BANTU PELAJAR ASASI PENGURUSAN TENTUKAN
PILIHAN PROGRAM SARJANA MUDA UUM

13 MAC 2016 / 04 JAMADILAKHIR 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

TAKLIMAT PUSAT PENGAJIAN BANTU PELAJAR ASASI PENGURUSAN TENTUKAN PILIHAN PROGRAM SARJANA MUDA UUM



PAP ONLINE: Pemilihan program pengajian di universiti yang menepati dan memenuhi kehendak setiap individu akan menentukan hala tuju kerjaya pelajar selepas bergraduasi. Justeru, Pusat Asasi Pengurusan mengambil inisiatif menjemput pusat-pusat pengajian untuk mempromosikan program masing-masing bermula pada 06-10 Mac 2016.

Setiap pusat pengajian akan memperkenalkan program-program yang ditawarkan dengan memberi tumpuan kepada syarat kemasukan, cadangan pengambilan kursus, laluan kerjaya serta alumni yang berjaya dalam karier masing-masing. Taklimat disampaikan oleh ketua jabatan atau penyelaras program daripada pusat-pusat pengajian mengikut tarikh dan slot masa yang telah ditetapkan.

Penerangan yang jelas sangat diperlukan oleh para pelajar bagi membantu mereka membuat pemilihan program secara dalaman yang akan dibuka kepada mereka pada awal bulan Jun nanti melalui portal pelajar.

Pusat Asasi Pengurusan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pusat pengajian yang telah memberi kerjasama menjayakan sesi taklimat dan promosi program sarjana muda.

SEKIAN.

=====

DARIPADA:

PUSAT ASASI PENGURUSAN

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3452/3456

FAKS: 04-928 3455

E-MEL: asasi@uum.edu.my

FACEBOOK: Pusat Asasi Pengurusan